



Yaakob (kanan) melihat aktiviti penggunaan komputer yang disertai peserta.

Usahawan perlu buka mata pilih bidang

PUCHONG UTAMA - Usahawan di negeri ini perlu bijak memilih bidang dan tidak bergantung kepada satu jenis perniagaan sahaja walaupun tidak menerima banyak keuntungan.

Ahli Exco Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan, Yaakob Sapari berkata, beliau melihat ramai usahawan di negara ini yang hanya menanti kontrak dan projek dikeluarkan kerajaan tanpa memikirkan alternatif lain.

Katanya, usahawan disarankan agar tidak hanya menggunakan pendekatan tradisional dan memikirkan untuk memasarkan produk atau perniagaan di dalam negara sahaja.

“Saya mengambil contoh ada seorang usahawan yang memasarkan perniagaannya di luar negara setelah memikirkan wujudnya permintaan bagi barangan buatan syarikatnya sendiri.

“Walaupun melakukan permulaannya secara kecil-kecilan, namun kini ia berjaya dikembangkan kerana kita perlu tahu di negara-negara Eropah, ni-

lai harganya boleh mencecah tiga kali ganda berbanding jika dijual di negara ini,” jelasnya.

Tambahnya, golongan usahawan perlu mencari satu bidang yang mempunyai permintaan tinggi dan yakin boleh memasarkan produk dalam satu pasaran yang luas.

“Ambil contoh penjualan kicap, ramai rakyat di negara ini yang bekerja di luar negara mungkin inginkan kicap buatan negara mereka sendiri. Jadi tidak mustahil kita boleh pasarkan ke luar negara selagi mempunyai permintaan daripada pengguna produk, selain mengaut keuntungan tinggi,” katanya ketika ditemui selepas kunjungan ke Program Motivasi Kemahiran Hidup dan Cara Pengurusan Perniagaan menggunakan komputer bagi Usahawan Muda yang diadakan di Dewan Serba Guna Taman Perindustrian Puchong Utama, di sini.

Program adalah anjuran Biro Pembangunan Masyarakat, Remaja dan Ibu Tunggal Human and Nature Development Society (Hands) Selangor.